

## RITUAL SABAK DALAM BUDAYA MASYARAKAT IBAN DI DAERAH SEBAUH, SARAWAK

### *THE RITUAL OF SABAK IN THE CULTURE OF IBAN COMMUNITY*

Mangai Anak Tugau<sup>1</sup>, Mohammad Maulana Magiman<sup>1</sup>, & Franklin Ragai Kundat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra  
Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak

<sup>2</sup>Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Universiti Putra  
Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak

mangaitugau59@gmail.com

### ABSTRAK

***Sabak Buah*** yang merupakan satu daripada 20 jenis ***leka main*** dalam puisi masyarakat Iban. Puisi berbentuk ratapan nyanyian (nyanyian berkabung) ini akan dipersembahkan oleh ***Tukang Sabak*** semasa pelaksanaan upacara kematian masyarakat Iban terutama yang masih mengamalkan kepercayaan animisme. ***Sabak Buah*** ini mempunyai tiga fungsi utama iaitu untuk memisahkan roh si mati daripada ahli keluarga serta saudara mara yang masih hidup, memastikan kematian bukan penghujung hidup dan untuk mengiringi roh si mati ke dunia kematian yang dinamakan ***Sebayan***. Fokus utama masalah ini adalah untuk mengkaji tentang beberapa ritual yang berhubung dengan ***Sabak Buah***, dengan membuat analisis simbol-simbol yang terkandung di dalamnya. Selain itu, ia juga adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen dalam ritual ***Sabak Buah*** yang dijadikan sebagai identiti masyarakat Iban. Metod kajian adalah dengan mengguna kaedah kualitatif (etnografi) yang terdiri daripada ***Field Research/Fieldwork, Participant Observation***, Temu Bual dan Kaedah Perpustakaan di beberapa Kawasan di Daerah Sebauh yang terdiri daripada kawasan Sungai Sebauh, Sungai Pandan-Binyo, Sungai Labang dan kawasan Tubau Jelalong. Data yang diperolehi kemudian dianalisis mengguna kaedah interpretif, deskripsi, induksi dan ***Grounded Theory*** serta berdasarkan pemahaman komuniti yang dikaji. Hasil kajian mendapati ritual ***Sabak Buah*** yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk memberikan satu jalan kesejahteraan kepada si mati. Selain itu, simbol yang terkandung di dalam ritual ini menjelaskan bahawa setiap yang hidup pasti akan menemui hari mati dan untuk pengendalian pusingan kehidupan ini perlu adanya permaufakatan dalam kalangan masyarakatnya. Nilai kemasyarakatan yang terkandung bukan untuk individu tetapi ia merangkumi keseluruhan dalam kalangan masyarakatnya yang membentuk identiti masyarakat Iban.

***Kata kunci:*** ritual, Sabak Buah, identiti, Masyarakat Iban

### ABSTRACT

***Sabak Buah*** is one of the twenty types of poetry among the Iban community. This poetry is a form of passionate expression of grief that is sung by the Chanter (***Tukang Sabak***) in the event of mourning ceremony especially among the Iban

Community who are practising the belief in animism. **Sabak Bebuah** has three main functions namely, to separate the spirit of the dead from the family and relatives who are still living, to ensure that the death is not the end of life and to guide the spirit of the dead to the world of death called *Sebayan*. The main focus of this article is to make a study on the rituals related to **Sabak Bebuah** by doing analysis to all the related symbols. Apart from that it is also to identify the elements in **Sabak Bebuah** which has become an identity to the Iban Community. The methods used in this research is qualitative method (ethnography) consisting of Field Research/Fieldwork, Participant Observation, Interview and Documents Research in the area of *Sebauh District* Consisting of *Sebauh River, Pandan-Binyo River, Labang River and Tubau-Jelalong River*. The data collected then being analysed based on interpretive, descriptive, induction and Grounded Theory and so as the belief and understanding of the community studied. The outcomes of this study show that the ritual of **Sabak Bebuah** is to give a peaceful life to the dead. Besides that, the symbols in **Sabak Bebuah** also shows that every living will meet the death and to maintain the cycle of life require consensus in the community. The value of consent is not meant for individuals, but it covers the whole of Iban community as it builds identification to Iban community.

Key terms: ritual, **Sabak Bebuah**, identity, Iban community

## PENGENALAN

**Sabak bebuah** pada dasarnya berpunca dari dua perkara, iaitu kepercayaan masyarakat Iban kepada pusingan hidup dan mati secara natural (hidup akan mati ikut pusingan) dan kepercayaan kepada setiap natural, sosial dan domain supernatural seperti tanah, ribut, api, air, matahari dan bintang.

Menurut Vinson (2012), tempoh penciptaan senikata serta persembahan **Sabak Bebuah** telah bermula sejak awal tahun 1900 sehingga 1994 dari lima kawasan utama penempatan masyarakat Iban di Sarawak iaitu Julau, Kapit, Undup, Saribas dan Saratok. Senikata **Sabak Bebuah** yang terawal telah disalin dan diedit oleh Rev. William Howell dan dicetak di dalam Jurnal Muzium Sarawak pada tahun 1911.

Menurut Vinson (2012), **Sabak Bebuah** masyarakat Iban dibahagikan kepada dua (2) kategori utama iaitu **Sabak Kenang** dan **Sabak Lumbang**. Di dalam kategori **Sabak Kenang** terdiri daripada **Sabak Bangkai, Sabak Sedan, Sabak Ngerais** dan **Sabak Rempoh** bagi kawasan Batang Rajang sementara **Sabak Sebana** bagi kawasan Saribas. **Sabak Pana** yang dipersembahkan semasa tiba dari Tanah Perkuburan juga dimasukkan ke dalam kategori **Sabak Kenang**. **Sabak Ulit** dan **Sabak Tina** dipersembahkan semasa upacara **Ngetas Ulit** (tamat masa berkabung). Kategori kedua adalah **Sabak Lumbang** yang dipersembahkan tanpa berdepan dengan mayat si mati.

## METODOLOGI KAJIAN

Di dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengguna Kaedah Etnografi dengan pendekatan kualitatif. Empat pendekatan yang telah digunakan adalah **Field Research/Fieldwork, Participant Observation**, Temu Bual dan Kaedah

Perpustakaan. Keempat-empat pendekatan tersebut telah digunakan di seluruh Daerah Sebauh bagi mendapat maklumat kajian dari informan-informan seperti **Tukang Sabak**, Ketua Masyarakat serta pengamal **Sabak Bebuah**. Maklumat yang diperolehi kemudian dianalisis mengguna kaedah interpretif, deskripsi, induksi dan **Grounded Theory** serta berdasarkan kepada pemahaman komuniti yang dikaji. Kajian ini telah bermula sejak bulan Januari 2018 yang meliputi seluruh kawasan Daerah Sebauh.

Konsep dan Kerangka Teori yang digunakan adalah Model Simbol Ketuhanan (MSK) yang dibentuk menggunakan asas Teori Turner (1967), diubah suai oleh Mohammad Maulana (2012) di dalam Model Ritual Simbol Kesucian (MRSK).

## DAPATAN KAJIAN

Melalui proses **Sabak Bebuah**, roh si mati akan dibimbing oleh **Tukang Sabak** melalui empat peringkat sehingga ke peringkat terakhir iaitu Alam **Sebayan**. Peringkat Pertama adalah **Mejam/Nangam**, Peringkat kedua adalah Persiapan **Sabak**, Peringkat Ketiga adalah Ritual **Sabak** dan Peringkat Keempat adalah Alam **Sebayan**. Di peringkat pertama, mayat dimandikan dan disalinkan dengan pakaian yang terbaik semasa si mati masih hidup. Si mati juga turut dilengkapkan dengan jam tangan, cincin serta barang kemas yang tidaklah terlalu tinggi nilai harganya. Selepas itu, mayat tersebut akan diangkat ke bahagian '**ruai**' yang telah disediakan dengan tilam, tikar '**bembar**' dan bantal. Di situlah mayat tersebut dibaringkan. Proses penyediaan **baya** juga dilakukan di mana keperluan kehidupan seperti parang, pinggan, mangkuk, pakaian serta alat-alat pertanian dibekalkan kepada si mati. **Pua kumbu** digantung mengelilingi mayat si mati yang dinamakan **baya** pandang.

Di peringkat kedua pula adalah penyediaan '**sapat**' sebagai tempat duduk tukang **Sabak** sepanjang malam proses **Sabak** dipersembahkan. '**Sapat**' dibina dengan mendirikan empat tiang (segiempat) untuk melindungi tukang **Sabak** serta mayat si mati daripada diganggu oleh '**antu sebayan**' yang terdiri daripada roh-roh mereka yang telah mati terdahulu. Tukang **Sabak** dipilih daripada yang terbaik dan biasanya terdiri daripada warga tua supaya tidak mendatangkan segala kecekalakaan atau sesuatu yang tidak diinginkan kepadanya. Biasanya istiadat sabak bermula dalam jam 9 malam sehingga jam 5.30 pagi.

Pada peringkat ketiga pula merupakan ritual **sabak**. Tukang **Sabak** akan memperihalkan tentang kehidupan si mati, seperti menyatakan jawatannya, pekerjaan serta sumbangannya semasa masih hidup. Seterusnya, Tukang **Sabak** akan memujuk roh si mati untuk meninggalkan keluarga serta saudara-mara dan sahabat handai yang masih hidup. Sepanjang perjalanan ke **Sebayan**, roh si mati akan berjalan melalui **Batang Titi Rawan (Bridge of Fear)** yang mendatangkan pelbagai cabaran untuk melintas jambatan tersebut. Perjalanan ke **sebayan** juga turut melalui satu lagi cabaran iaitu **Pintu Tanah**. Setiba di situ, roh si mati akan bertemu serta memohon izin daripada **Raja Belut** (Raja Cacing) untuk memasuki kawasan Tanah Kematian.

Peringkat keempat merupakan ketibaan di Tanah/Dunia Kematian yang dinamakan **Sebayan**. Roh si mati akan dipertemukan dengan ahli keluarga serta saudara mara yang telah lama meninggal dunia. Ketibaan di Dunia Kematian (**Sebayan**) disambut baik oleh seluruh warga komuniti tersebut dengan memberi

layanan yang baik agar roh simati tidak mempunyai keinginan untuk kembali semula ke dunia hidup. Roh si mati berasa amat selesa serta memulakan kehidupan baharu di **Sebayan**.

**Manang** berperanan untuk memisahkan roh si mati daripada roh ahli keluarga serta sanak saudara yang masih hidup. Proses pemisahan roh dilakukan oleh **manang** melalui upacara **pelian**. **Pelian** tersebut dinamakan **Beserara Bungai** yang dilaksanakan genap tiga (3) hari selepas mayat si mati dikebumikan untuk tujuan mengiringi roh si mati ke dunia **Sebayan**. Tanpa **manang** yang melaksanakan proses **pelian**, roh si mati tidak menyedari yang dirinya telah meninggalkan dunia nyata maka akan mendatangkan gangguan terhadap masyarakat yang masih hidup. Di dalam proses ritual **Sabak Bebuah**, terdapat beberapa simbol yang mempunyai pengertian dan fungsinya tersendiri. Pembinaan **sapat**, penggunaan **Pua Kumbu**, penyediaan '**piring**' dan **baya'** adalah di antara simbol-simbol utama disediakan. Pembinaan '**sapat**' mengguna **Pua Kumbu** mengelilingi mayat si mati disediakan bertujuan agar mayat si mati tidak dilangkah oleh binatang ternakan seperti kucing dan anjing. Sekiranya mayat si mati dilangkah oleh binatang-binatang tersebut, maka roh si mati akan bangkit dan mengganggu komuniti yang masih hidup. **Pua Kumbu** digunakan sebagai dinding kepada **Sapat** kerana ianya adalah kain tenunan asli masyarakat Iban sejak berzaman lagi. **Pua Kumbu** juga dijadikan **baya' pandang** yang digantung di sekeliling mayat si mati agar roh si mati dikenali oleh roh-roh nenek moyang yang telah lama meninggalkan dunia ini. **Piring (turun tujuh)** turut disediakan, diletak di hujung kaki si mati sebagai pemberian kepada roh-roh nenek moyang supaya kehadiran mereka (roh) tidak mengganggu komuniti yang masih hidup. **Baya'** yang terdiri daripada keperluan seharian si mati seperti peralatan memasak, parang, pisau, pakaian serta peralatan kerja turut disediakan. **Baya'** akan dibawa ke tanah perkuburan, diletak di sekitar kawasan perkuburan si mati. Sekiranya **baya'** tidak disediakan maka roh si mati akan hadir semula kepada ahli keluarganya untuk meminta segala keperluan sebagai kegunaan sehariannya di dunia kematian yang dinamakan **Sebayan**.

Simbol-simbol lain yang turut disediakan adalah meletakkan biji beras di dada si mati bertujuan untuk memudahkan roh-roh nenek moyang untuk mengenali si mati melalui biji beras tersebut. Kehadiran roh si mati akan disambut atau dijemput dengan sempurna oleh roh nenek moyang yang telah lama meninggalkan dunia ini. Biji beras yang telah dibasahkan dengan air turut diagihkan kepada setiap pintu bilik sepanjang rumah panjang tersebut untuk membolehkan peminjaman sebarang peralatan untuk tujuan menguruskan istiadat kematian tersebut. Sekiranya biji beras yang telah dibasahkan tidak diagihkan maka peminjaman semua peralatan dari bilik-bilik lain tidak dibenarkan. Seekor ayam, sebiji tempayan, sebilah parang dan sehelai kain sarung turut disediakan khas untuk **Tukang Sabak**. Kesemua perkara tersebut adalah sebagai penguat semangat bagi **Tukang Sabak**. Seekor ayam akan digunakan oleh **Tukang Sabak** untuk terbang kembali ke dunia nyata selepas mengiringi roh si mati sampai ke **Sebayan**.

Kesemua simbol tersebut perlu dipatuhi supaya proses mengiringi roh si mati dapat dilaksanakan dengan sempurna oleh **Tukang Sabak**.





*Sapat* yang mengguna *Pua Kumbu*



*Tukang Sabak* sedang mempersembahkan *Sabak Bebuah*

## PERBINCANGAN

***Sabak Bebuah*** di kalangan masyarakat Iban yang masih menganuti kepercayaan animisme masih kekal. Ianya merupakan satu proses yang boleh mengiringi roh si mati ke dunia kematian dinamakan ***Sebayan***. Segala simbol dalam ritual ***Sabak Bebuah*** perlu dipatuhi atau dipenuhi agar proses mengiringi roh si mati tidak terganggu dan membawa implikasi yang tidak diingini terhadap seisi keluarga dan seluruh komuniti yang masih hidup. Disebabkan oleh kepentingan tersebut maka adalah dicadangkan agar proses penurunan ilmu ***Sabak*** kepada generasi muda dibuat secara sistematik dan berkesan.

Dalam usaha untuk memperkukuhkan serta memperluaskan ilmu ***Sabak Bebuah***, pihak Yayasan Tun Jugah telah mengadakan Bengkel ***Sabak*** di Kapit pada 24 Julai 1999. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh beberapa orang ***Tukang Sabak*** yang handal seperti Ukok anak Ribut, Ngana anak Akun, Siah anak Tutong, Jati anak Ju dan Rua anak Ajai. ***Tukang-tukang Sabak*** tersebut telah berkongsi ilmu dalam ***Sabak Bebuah*** yang meliputi kemahiran memahami rangkap-rangkap senikata ***Sabak*** beserta maksud senikata ***Sabak*** yang telah digunakan.

Sehingga ke hari ini, masih belum ternampak sebarang usaha oleh masyarakat Iban atau mana-mana badan tertentu yang telah mengorak langkah untuk menurunkan ilmu **Sabak Bebuah** kepada generasi muda di daerah yang dikaji, iaitu Daerah Sebauh.

Di antara faktor penghalang kepada penurunan ilmu **Sabak** adalah kerana kekurangan bilangan **Tukang Sabak** dan kurangnya minat generasi muda terhadap **Sabak Bebuah**. Faktor kedua adalah perubahan kepercayaan dari animisme kepada Kristian di mana budaya **Sabak Bebuah** telah tidak diamalkan semasa istiadat kematian di kalangan penganut agama Kristian.

Walaupun terdapat pelbagai rintangan atau cabaran di dalam usaha untuk mengekalkan **Sabak Bebuah**, adalah amat diharapkan agar **Sabak Bebuah** akan tetap kekal sebagai identiti masyarakat Iban.

### KESIMPULAN

Sejak dari tahun ke tahun, ritual **Sabak Bebuah** didapati semakin kurang dipersembahkan semasa istiadat kematian di kalangan masyarakat Iban di Daerah Sebauh. Perubahan kepercayaan animisme kepada Kristian telah banyak mempengaruhi kepada kurangnya **Sabak Bebuah** diamalkan. Bilangan **Tukang Sabak** serta pengetahuan tentang **Sabak Bebuah** di kalangan generasi sekarang semakin berkurangan. Adalah amat diharapkan agar budaya ritual **Sabak Bebuah** akan tetap kekal di kalangan masyarakat Iban yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan animisme dan tetap menjadi satu identiti yang akan kekal untuk selamanya.

### PENGHARGAAN

Pengkaji ingin merakamkan setinggi terima kasih serta penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohamad Maulana Magiman selaku penyelia dan pensyarah kanan di Jabatan Sains Sosial, UPMKB dan Dr. Franklin Ragai Kundat (Pensyarah Kanan) UPMKB yang banyak membantu dalam menjalankan kajian ini.

### RUJUKAN

- Abdullah Taib (1985). *Asas-asas Antrapologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Anna Durin (2014). *Tikar Bemban*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Chairil Effendy (2006). *Sastra Sebagai Wadah Integrasi Budaya*. STAIN Pontianak Press. Indonesia.
- Freeman (1992). *The Iban of Borneo*. S. Abdul Majeed & Co. Kuala Lumpur
- Jensen (1974). *The Iban and Their Religion*. Oxford University Press. Great Poritian.
- Harry Usup Umbar (2015). *Dayak, Iban Borneo II*. Lee Ming Press Sdn. Bhd. Kuching.
- Mohd Taib Osman (1989). *Iban Cultural Heritage: In The Context Of Present Day Malaysia*; The Sarawak Museum Journal Vol. XL: 15-19.
- Nalong Ak Buda dan Johnny Ak Chuat (2009). *Iban Pegai Rajah Brooke*. Nam Hwa

- Paper Products Co. Kuching, Sarawak.
- Noria Tugang (2014). *Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*, Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Kedit (1980). *Modernization Amongst The Iban Of Sarawak* Percetakan Bersatu, Pulau Pinang.
- Kedit (1989). *Iban Cultural Heritage: An Overview Of Iban Traditional Cultural Values and Social Norms and their Implications for Contemporary Sarawak*. The Sarawak Museum Journal Vol. XL: 1-14.
- Robert Menna, Jantan Uambat, Jamang Ensiring dan Prof Clifford Sather (2002). *Pelian*. Tun Jugah Foundation. Kuching.
- The Tun Jugah Foundation (2000). *Sabak*. Lee Ming Press Company. Kuching
- Turner (1969). *The Ritual Process*. Aldine Transaction. New Brunswick (USA) and London (UK).
- Sutlive (1989). *The Iban in Historical Perspective*; The Sarawak Museum Journal Vol. XL: 33-43.
- Sutlive (2012). *Tears of Sorrow, Words Of Hope* Vol. 1 & 2. Tun Jugah Foundation. Card Information Sdn. Bhd, Kuching.